

RM11 juta bina perparitan

B.M. 14 DEC 1992

LANGKAWI. Ahad— Kerajaan akan membelanjakan kira-kira RM11 juta untuk membina sistem perparitan dalam usaha membersihkan pencemaran yang berpunca limpahan air daripada chalet di tepi pantai pulau ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata masalah pencemaran di pantai Langkawi perlu diatasi segera supaya tidak menjejaskan industri pelancongan di pulau itu.

Sambil memuji pengusaha chalet membuat promosi sehingga ke Eropah, beliau berkata pengusaha terbabit perlu menjaga kebersihan supaya pelancong asing tidak hanya

datang sekali saja ke Langkawi.

"Pengusaha chalet perlu memastikan pelancong asing datang berkali-kali dan mereka tidak mencecitkan perkara buruk kepada pelancong lain sehingga menjejaskan industri pelancongan di Langkawi," katanya.

Bercakap kepada pemberita di sini hari ini, Dr Mahathir berkata, kerajaan terpaksa mencari jalan membersihkan pencemaran berpunca daripada air yang dialir keluar oleh chalet di tepi pantai pulau ini berikutan rungutan pelancong.

Terdahulu, beliau menghabiskan kira-kira sejam meninjau kawasan

sepanjang Pantai Chenang di sini untuk melihat masalah pencemaran yang dilaporkan berpunca daripada chalet di tepi pantai itu.

Beliau gembira kerana pengusaha chalet sudah mengadakan pakatan untuk menentukan bayaran sewa yang berpatutaan selaras hasrat kerajaan untuk memastikan mereka mengadakan perancangan jangka panjang.

Perdana Menteri berkata, usaha promosi Langkawi sebagai destinasi pelancongan mula menunjukkan hasil apabila lapangan terbang Langkawi menjadi salah sebuah lapangan terbang paling sibuk di negara ini.

Katanya, lapangan terbang itu kini yang ketiga paling sibuk selepas Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, di Subang dan Pulau Pinang dengan lebih 20 penerbangan sehari.

Mengenal persiapan pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (Lima) 93, Dr Mahathir mengakui kerajaan menghadapi masalah setiap kali menganjurkan projek besar seperti itu.

Antaranya, katanya, kerajaan tidak boleh meramalkan dengan tepat sambutan terhadap Lima kerana persediaan yang dibuat mungkin melebihi atau kurang berbanding keperluan.